



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK M pada 14 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>AWE Malaysia benefitted 240 Women Entrepreneurs since 2020 – Nancy</b>  <a href="https://thesun.my/local-news/awe-malaysia-benefitted-240-women-entrepreneurs-since-2020-nancy-MO12857391">https://thesun.my/local-news/awe-malaysia-benefitted-240-women-entrepreneurs-since-2020-nancy-MO12857391</a>  <a href="https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2328835">https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2328835</a>  <a href="https://bernama.com/en/general/news.php?id=2328843">https://bernama.com/en/general/news.php?id=2328843</a>  <a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jiwa-sme-pemerkasaan-wanita-awe-manfaatkan-240-usahawan-wanita-di-11-negeri-x9404ma">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jiwa-sme-pemerkasaan-wanita-awe-manfaatkan-240-usahawan-wanita-di-11-negeri-x9404ma</a>  <a href="https://www.youtube.com/watch?v=_z1GpfJ1NEk">https://www.youtube.com/watch?v=_z1GpfJ1NEk</a>	The Sun  Bernama  Bernama  Astro Awani  Astro Awani	Neutral
2.	<b>JKM Beri Khidmat Kaunseling Tiga Anak Cikgu Istiqomah</b>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/13/jkm-beri-khidmat-kaunseling-tiga-anak-cikgu-istiqomah/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/08/13/jkm-beri-khidmat-kaunseling-tiga-anak-cikgu-istiqomah/#google_vignette</a>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122392/kaunselor-jkm-bantu-anak-anak-istiqomah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122392/kaunselor-jkm-bantu-anak-anak-istiqomah</a>  <a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/13/jkm-bantu-beri-sokongan-moral-kepada-tiga-anak-istiqomah/">https://malaysiagazette.com/2024/08/13/jkm-bantu-beri-sokongan-moral-kepada-tiga-anak-istiqomah/</a>  <a href="https://thesun.my/local-news/johor-govt-to-provide-counselling-to-istiqomah-s-family-FO12857637">https://thesun.my/local-news/johor-govt-to-provide-counselling-to-istiqomah-s-family-FO12857637</a>	Kosmo  Harian Metro  Malaysia Gazette  The Sun	Neutral

3.	<p><b>Kanak-Kanak Maut, Dua Parah Akibat Kereta Bertembung Lori</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/14/kanak-kanak-maut-dua-parah-akibat-kereta-bertembung-lori/">https://malaysiagazette.com/2024/08/14/kanak-kanak-maut-dua-parah-akibat-kereta-bertembung-lori/</a></p>	Malaysia Gazette	Neutral
4.	<p><b>Remaja 13 Tahun Didakwa Bunuh Teman Wanita Sebaya</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284195/remaja-13-tahun-didakwa-bunuh-teman-wanita-sebaya">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284195/remaja-13-tahun-didakwa-bunuh-teman-wanita-sebaya</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-14-tahun-mengaku-tidak-bersalah-bunuh-teman-wanita-di-tawau-483310">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-14-tahun-mengaku-tidak-bersalah-bunuh-teman-wanita-di-tawau-483310</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122179/remaja-mengaku-tidak-bersalah-bunuh-teman-wanita">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122179/remaja-mengaku-tidak-bersalah-bunuh-teman-wanita</a></p>	Berita Harian Astro Awani Harian Metro	Neutral
5.	<p><b>Mayat Wanita Terapung Di Pusat Rekreasi Perigi Tujuh</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1284460/mayat-wanita-terapung-di-pusat-rekreasi-perigi-tujuh">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1284460/mayat-wanita-terapung-di-pusat-rekreasi-perigi-tujuh</a></p>	Berita Harian	Neutral
6.	<p><b>Wanita Derita 4 Jenis Kanser, Makan Nasi Kosong Dengan Budu</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2024/08/1284111/wanita-derita-4-jenis-kanser-makan-nasi-kosong-dengan-budu">https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2024/08/1284111/wanita-derita-4-jenis-kanser-makan-nasi-kosong-dengan-budu</a></p>	Berita Harian	Neutral
7	<p><b>Wanita Warga Emas Maut Ditikam Di Kepala Oleh Anak Saudara</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-warga-emas-maut-ditikam-di-kepala-oleh-anak-saudara-483320">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-warga-emas-maut-ditikam-di-kepala-oleh-anak-saudara-483320</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=cYKR9I4F3_Y">https://www.youtube.com/watch?v=cYKR9I4F3_Y</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/13/wanita-warga-emas-maut-ditikam-anak-saudara-dengan-gunting/">https://malaysiagazette.com/2024/08/13/wanita-warga-emas-maut-ditikam-anak-saudara-dengan-gunting/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/08/1122376/cuba-leraihan-pergaduhan-warga-emas-maut-ditikam-gunting">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/08/1122376/cuba-leraihan-pergaduhan-warga-emas-maut-ditikam-gunting</a></p>	Astro Awani Astro Awani Malaysia Gazette Harian Metro	Neutral

	<p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284335/cuba-leraikan-pergaduhan-warga-emas-maut-ditikam-dengan-gunting">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284335/cuba-leraikan-pergaduhan-warga-emas-maut-ditikam-dengan-gunting</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/680038/berita/semasa/warga-emas-maut-ditikam-anak-saudara-guna-gunting">https://www.sinarharian.com.my/article/680038/berita/semasa/warga-emas-maut-ditikam-anak-saudara-guna-gunting</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/warga-emas-maut-kepala-ditikam-gunting-ketika-leraikan-pergaduhan-dua-beranak/">https://www.buletintv3.my/jenayah/warga-emas-maut-kepala-ditikam-gunting-ketika-leraikan-pergaduhan-dua-beranak/</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/13/anak-saudara-tikam-mati-warga-emas-guna-gunting/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/13/anak-saudara-tikam-mati-warga-emas-guna-gunting/</a></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/warga-emas-maut-ditikam-dengan-gunting-di-kepala-ketika-cuba-lerai-pergaduhan-DO12855363">https://thesun.my/cerita/berita/warga-emas-maut-ditikam-dengan-gunting-di-kepala-ketika-cuba-lerai-pergaduhan-DO12855363</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/warga-emas-maut-ditikam-dengan-gunting/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/warga-emas-maut-ditikam-dengan-gunting/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>FMT</p> <p>The Sun</p> <p>Utusan</p>	
8	<p><b>Warga Emas Rugi Lebih RM200,000 Terpedaya 'Phone Scam'</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284391/warga-emas-rugi-lebih-rm200000-terpedaya-phone-scam">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1284391/warga-emas-rugi-lebih-rm200000-terpedaya-phone-scam</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/13/warga-emas-rugi-rm212000-diperdaya-pegawai-polis/">https://malaysiagazette.com/2024/08/13/warga-emas-rugi-rm212000-diperdaya-pegawai-polis/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
9	<p><b>Warga Emas Rugi RM110,000 Gara-Gara Nak Pinjam Bank RM250,000</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/13/warga-emas-rugi-rm110000-gara-gara-nak-pinjam-bank-rm250000">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/13/warga-emas-rugi-rm110000-gara-gara-nak-pinjam-bank-rm250000</a></p>	<p>Utusan Borneo</p>	Neutral

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

## AWE MALAYSIA BENEFITTED 240 WOMEN ENTREPRENEURS SINCE 2020 – NANCY



KUALA LUMPUR: The Academy for Women Entrepreneurs (AWE) in Malaysia programme implemented across 11 states in the country has benefitted 240 women entrepreneurs over the past four years.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said this achievement has also positively impacted over 12,000 individuals in the communities.

She said AWE has proven its success globally, and Malaysia is fortunate to have been selected to implement this programme following its strong relationship with the United States.

“The collaboration among AWE, MADCash and the Department of Women Development (JPW), under our ministry, is a testament to our shared vision of empowering women to seize opportunities in entrepreneurship,” she said in her opening speech at the AWE Gala Dinner 2024 here tonight.

“Congratulations to all involved in making this programme a success. This is a significant achievement, and we look forward to even greater outcome from this fifth cohort.”

AWE, an exchange programme of the US State Department, aims to empower women with the knowledge, skills and networks needed to launch and scale their successful businesses globally.

In Malaysia, AWE is part of the US Embassy Kuala Lumpur’s Wanita Empowered Campaign, which improves access to education, advances economic parity and overcomes barriers to equality.

Furthermore, Nancy said the government has also consistently demonstrated its commitment to supporting women’s access to financing.

“In 2023, under the SME Integrated Plan of Action, RM10.89 billion was allocated to small and medium-sized enterprise (SME) programmes, which included 60 initiatives specifically focused on women’s development.

“In addition to that, the government invested almost RM2 billion through entrepreneurship programmes for women last year. Our goal is clear: to increase the proportion of women-owned SMEs to 30 per cent,” she said.

In the event, Nancy officially launched the fifth cohort of the AWE and celebrated the graduation of the fourth cohort.

On the launch of the fifth cohort, she said this programme, which is designed to empower women entrepreneurs over a one-year period through training, mentoring and ongoing support, will be implemented in the Klang Valley, Penang, Pahang and Sarawak.

Meanwhile, US Ambassador to Malaysia Edgard D. Kagan said the embassy has long recognised the pivotal role women play in shaping societies and driving positive change.

“Through our Wanita Empowered initiative, we have dedicated significant resources to supporting Malaysian women who aspire to lead and make a difference in their communities,” he said.

### **JKM BERI KHIDMAT KAUNSELING TIGA ANAK CIKGU ISTIQOMAH**



Khairin-Nisa (tengah) melawat keluarga kepada cikgu Istiqomah yang ditemui mati dalam keadaan tragis.

**JOHOR BAHRU** – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri Johor memberi khidmat kaunseling kepada tiga anak kepada guru wanita yang mayatnya ditemui tanpa kepala, kaki dan tangan di dalam tong sampah, Disember lalu, Istiqomah Ahmad Rozi, 33.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Khairin-Nisa Ismail berkata, tindakan itu dibuat dalam usaha untuk membantu anak-anak mangsa itu dengan serta-merta.

“Anak-anak arwah, yang masih kecil, kini memerlukan sokongan moral dan mental untuk menghadapi masa depan yang penuh cabaran tanpa ibu mereka.

“Oleh itu, saya membawa bersama kaunselor dari JKM Negeri Johor untuk membantu anak-anak ini dengan serta-merta,” katanya kepada pemberita hari ini.

## **REMAJA 13 TAHUN DIDAKWA BUNUH TEMAN WANITA SEBAYA**

TAWAU: Seorang remaja tidak mengaku bersalah di Mahkamah Tinggi, di sini, atas pertuduhan membunuh teman wanitanya, dalam kejadian di sebuah ladang kelapa sawit, dekat Kalabakan, Januari tahun lalu.

Tertuduh, yang juga pemegang pasport Indonesia berumur 13 tahun (ketika kejadian) membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Duncan Sikodol.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa membunuh Nur Zahirah Safarudin, 13, (tiada dokumen pengenalan diri) dalam sebuah ladang kelapa sawit dekat Kalabakan antara jam 12.30 tengah hari hingga 2.30 petang pada 4 Januari tahun lalu.

Bagi kesalahan itu, pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 302 kanun keseksaan kerana membunuh, jika sabit kesalahan tertuduh boleh dijatuhi hukuman gantung sampai mati.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Suhaimi Suryana manakala tertuduh diwakili peguam Liew Hon Min.

Mahkamah kemudiannya menetapkan tarikh 10 hingga 14 Februari tahun hadapan untuk perbicaraan penuh dengan pihak pendakwaan dijangka memanggil seramai tujuh saksi untuk memberi keterangan.

Tertuduh sebelum ini, dihadapkan ke Mahkamah Majistret Tawau pada 18 Januari tahun lalu sebelum kes didengar di Mahkamah Tinggi, hari ini.

Difahamkan, mayat si mati (mangsa) ditemukan dalam keadaan tangan diikat di dalam parit di lokasi kejadian dengan kesan luka di kepala, selain mangsa diturut disyaki dirogol.

## MAYAT WANITA TERAPUNG DI PUSAT REKREASI PERIGI TUJUH



Mayat wanita

terapung di pusat rekreasi Perigi Tujuh, Hulu Selangor - Foto ihsan pembaca

**HULU SELANGOR:** Orang ramai yang mengunjungi kawasan rekreasi Perigi Tujuh, Serendah, di sini, gempar dengan penemuan mayat seorang wanita terapung di situ, hari ini.

Dalam kejadian kira-kira jam 10.50 pagi itu, mayat yang berpakaian T-shirt dan seluar jeans itu ditemukan terapung dalam keadaan terlungkup.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ahmad Faizal Tahrim berkata, hasil siasatan awal mendapati mangsa berusia 48 tahun.

"Pemeriksaan mendapati tiada kesan kecederaan luaran, pergelutan dan lain-lain kecederaan pada tubuh wanita itu.

Mayat reput di perairan Pangkor Laut, tanpa identiti

Pembunuhan Nur Farah: Pekerja kebun ubi dipercayai antara saksi akhir

"Mayat mangsa dibawa ke Unit Forensik Hospital Kuala Kubu Bharu untuk bedah siasat pada jam 2.45 petang bagi mengenal pasti punca kematian," katanya dalam satu kenyataan, malam ini

Orang ramai yang mempunyai maklumat atau waris hilang diminta menghubungi Pegawai Penyiasat Inspektor Ahmad Hazwan Ismail di talian 03-60651022 atau 013-2908206 atau mana-mana balai polis berhampiran.



## WANITA DERITA 4 JENIS KANSER, MAKAN NASI KOSONG DENGAN BUDU



Pengerusi badan bukan kerajaan (NGO) Cempaka Merah Asnaf Society, Che Norhayati Mohamed (kiri) menyantuni Asmawati (tengah) yang menghidap penyakit kanser tulang, barah otak, ketumbuhan di kepala dan saraf di Kampung Tengah. - NSTP/ Hazira Ahmad Zaidi

KUALA KRAI: Seorang wanita yang menderita empat penyakit reda dengan nasib menimpa dirinya, kini bergantung harap sepenuhnya kepada anak sulung berusia 19 tahun mencari nafkah, selain sekeluarga sering makan nasi kosong dengan budu.

Asmawati Samsuddin, 39, yang menghidap penyakit kanser tulang, barah otak, ketumbuhan di kepala dan juga saraf sejak tujuh tahun lalu hilang upaya untuk berjalan selain kedua-dua matanya juga tidak lagi dapat melihat.

Katanya, segala urusan hariannya termasuk mandi, makan dan minum diuruskan empat anaknya berusia di antara 12 hingga 19 tahun secara bergilir-gilir.

"Kekangan kewangan dan kesempitan hidup menyebabkan anak sulung saya, Muhammad Ameer Aiman Zalani, 19, mengambil keputusan untuk berhenti sekolah ketika berada di Tingkatan Empat kerana mahu memastikan adik-adiknya lain dapat meneruskan persekolahan hingga ke menara gading.

"Sejak itu Muhammad Ameer Aiman menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga menyara saya serta tiga adiknya yang masih bersekolah dengan mengambil upah memotong rumput di Kem Desa Kok Lanas," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Tengah.

Terdahulu Pengerusi badan bukan kerajaan (NGO) Cempaka Merah Asnaf Society, Che Norhayati Mohamed menyantuni keluarga berkenaan dan turut menyampaikan barang keperluan asas bagi meringankan beban yang ditanggung.

Asmawati berkata, sudah menjadi rutin harian anak sulungnya sebelum keluar bekerja menguruskan segala keperluannya serta menghantarnya ke rumah ibunya di Sungai Durian memandangkan dia berada bersendirian di rumah.

"Saya bersyukur dikurniakan anak ringan tulang dan menjadi sumber kekuatan meneruskan kehidupan," katanya.

Memandangkan hanya anak sulung bekerja dengan pendapatan tidak menentu menyebabkan mereka perlu bijak berbelanja dan ada ketikanya mereka sekeluarga termasuk Asmawati terpaksa makan nasi kosong bersama budu mahupun kicap bagi mengalas perut, malah ada juga jiran tetangga yang bersimpati menghulurkan sumbangan dalam bentuk barangan.

"Kami tidak kisah makan ala kadar sahaja asalkan tidak berhutang atau menyusahkan sesiapa.

"Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM300 sebulan hanya cukup membeli lampin pakai buang saya, selain wang saku bagi perbelanjaan persekolahan anak.

"Lebih menyedihkan lagi, ada kalanya anak saya tidak membawa wang saku ke sekolah, namun mereka tidak pernah merungut kerana mengerti kesusahan keluarga," katanya.

Katanya, dia berharap orang ramai dapat mendoakan kesembuhan untuk dirinya dan kuat menjalani kehidupan harian.

## WANITA WARGA EMAS MAUT DITIKAM DI KEPALA OLEH ANAK SAUDARA



*Insiden berkenaan berlaku sekitar jam 11 pagi tadi ketika mangsa dikatakan cuba meleraikan pertengkaran antara anak saudaranya dan ibu kandungnya. - Foto Astro AWANI*

**KEPALA BATAS:** Seorang wanita warga emas maut ditikam di kepala dengan gunting oleh anak saudaranya dalam kejadian pergaduhan di sebuah rumah di Gelung Bubu, Pekan Darat, di sini pada Selasa.

Mangsa yang berusia sekitar 80-an itu dikejarkan ke Hospital Seberang Jaya sejurus kejadian untuk rawatan lanjut namun disahkan telah meninggal dunia.

Insiden dilaporkan berlaku sekitar jam 11 pagi tadi ketika mangsa dikatakan cuba meleraikan pertengkaran antara anak saudaranya dan ibu kandungnya. Menurut sumber, suspek lelaki berusia 40-an itu tidak berpuas hati apabila mangsa mencampuri urusan pergaduhan dengan ibunya di dalam rumah itu selepas mangsa yang tinggal bersebelahan datang untuk meleraikan pertengkaran tersebut.

“Suspek yang berang dengan tindakan ibu saudaranya itu dipercayai mengambil gunting di atas meja di rumah berkenaan lalu menikam bahagian kiri kepala mangsa, ibu kandung suspek yang berusia 70-an turut mengalami kecederaan dan sedang menerima rawatan di Hospital Kepala Batas,” katanya.

Selepas kejadian tersebut, suspek dikatakan turut mengamuk dan bertindak memecahkan cermin tingkap rumah jiran sebelum melarikan diri dengan menunggang motosikal sebelum orang ramai menghubungi polis untuk tindakan selanjutnya.

Suspek kemudian berjaya ditahan anggota polis tidak jauh dari lokasi kejadian.

Difahamkan suspek tidak mempunyai rekod jenayah lampau namun dipercayai mengalami masalah mental.

Sementara itu, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Hamzah Ahmad ketika dihubungi *Astro AWANI* mengesahkan kejadian tersebut namun maklumat lanjut berhubung kejadian akan dimaklumkan kemudian.

Kes tersebut disiasat dibawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.